

FPP BizNewz

Jan - May 2023

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

BUKIT MERAH
"THE RED FOREST"
PERMATA TERSEMBUNYI DI JERANTUT

TOXIC FRIENDSHIP
WHEN IT'S TIME TO LET GO

GRADUATES
WHO ARE THE URBAN POOR

ARROWS OF THE FAITHFUL
THE IMPORTANCE OF ARCHERY IN ISLAM

**TWIN-TO-TWIN TRANSFUSION
SYNDROME (TTTS)**



Publication Date
1 June 2023

PM NORUDIN DALAM KENANGAN (3)

P.M. DALAM KEN

Oleh:

PROF. DR. AZMAN CHE MAT

Akademi Pengajian Bahasa dan Undang-Undang
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu
Emel Koresponden: azman531@uitm.edu.my



Norudin

ANGAN (3)

Alhamdulillah, sekali lagi saya berkesempatan menulis mengenai insan yang pernah kita kenali. Coretan saya kali ini ialah perkongsian pengalaman saya melakukan perjalanan ke Temerloh bersama beliau.

Pertama, mengenai urusan mendapatkan tajaan daripada sebuah syarikat bumiputera. Perjalanan kami mengambil masa tiga hingga empat jam dengan menaiki kereta. Pada ketika itu beliau memandu kereta buatan Malaysia, berwarna kuning terang. Selalu beliau memberitahu saya, beliau akan membelikan sebuah kereta untuk setiap orang anaknya.

Pada hari itu, saya sekadar menjadi peneman untuk ke sana. Ketika itu lebuh raya Pantai Timur sudah ada, cuma pengguna hanya perlu membayar tol bermula dari negeri Pahang.

Sesampainya kami di Bandar Temerloh, beliau bertegar-legar mencari lokasi yang hendak dituju. Bandar Temerloh bukanlah lokasi yang dituju sebenarnya. Menurut beliau, destinasi kami di pinggir Bandar Temerloh sahaja. Saya memang tidak tahu menahu lokasinya. Cuma sekadar membantu melihat papan tanda.

Sebaik sahaja kami tiba di syarikat tersebut, saya mendapat tahu bahawa syarikat ini pernah memberi sumbangan

untuk aktiviti yang dianjurkan oleh beliau. Berdasarkan perbualan dengan staf di situ, saya merasakan peluang untuk beliau mendapat penajaan amat cerah sekali. Sebaik sahaja selesai urusan itu, kami menjamu selera di sebuah warung sebelum bergegas pulang ke Dungun.

Kedua ialah persinggahan kami di Temerloh untuk menjamu selera masakan ikan patin. Walaupun saya bukanlah penggemar ikan patin, tetapi hari itu saya cuba untuk memahami citarasa peminat masakan ikan patin Temerloh. Sungguh, kedai yang disinggahi kami menyediakan hidangan ikan patin bersaiz kurang sekilo beratnya. Dan saya dapat menikmati hidangan ini bersama beliau dan beberapa orang rakan yang lain. Ketika itu, kami baru pulang dari UiTM Shah Alam.

Setiap kali saya melewati Bandar Temerloh, kenangan saya bersama beliau akan muncul kembali. Pengajaran penting berkaitan kerjaya ialah perlunya membina hubungan dengan pihak luar. Walaupun ketika itu usaha mewujudkan MOU dengan pihak luar tidak sehebat sekarang, namun jalan yang dirintis oleh PM Norudin telah memberi kita satu citra, bahawa seorang pensyarah yang versatile mestilah mampu melakukan sesuatu yang lebih dari kebiasaan untuk institusi yang diwakilinya.

...



BizNewz 2023
Faculty of Business and Management
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun
Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA
Tel: +609-8400400
Fax: +609-8403777
Email: biznewzuitm@gmail.com